




# KISAH KEJAYAAN PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Name of PI1M</b> <b>Nama PI1M</b>	PUSAT INTERNET 1MALAYSIA KAMPUNG SELABAK
<b>Location</b> <b>Lokasi</b>	BATU 3, KAMPUNG SELABAK 36000 TELUK INTAN, PERAK DARUL RIDZUAN
<b>Name of person(s)</b> <b>Nama</b>	ABU BAKAR SIDEK BIN HASHIM 410727-08-5351
<b>Details of person (s)</b> <b>Butiran diri</b>	73 TAHUN LELAKI PEMBERITA/WARTAWAN BERITA HARIAN & METRO
<b>Success story</b> <b>Kisah kejayaan</b>	<p>Saya merasa gembira bila diberitahu Kampung Selabak akan mempunyai Pusat Internet 1Malaysia (Pi1M) yang memberi peluang kepada penduduk belajar menggunakan komputer dan mengaplikasi penggunaan internet yang menjadi keperluan pada masa kini.</p> <p>Saya tidak melepaskan peluang dan terus mendaftarkan diri sebagai ahli Pi1M yang memberi kemudahan menggunakan komputer dan melayari internet dengan kadar bayaran yang murah.</p> <p>Kewujudan Pi1M di Kampung Selabak merupakan satu tuah dan kurniaan paling berharga yang tidak dinikmati oleh lain-lain kampung.</p> <p>Setiap hari saya akan meluangkan masa untuk datang ke Pi1M Kampung Selabak kerana tugas saya sebagai wartawan dalam menghantar laopran dan berita ke Ibupejabat untuk akhbar-akhbar Berita Harian dan Harian Metro. Di samping itu juga memudahkan saya dalam membuat carian maklumat dan kajian mengenai sesuatu perkara.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>Saya berpuas hati dan cukup berasa selesa dengan kemudahan yang disediakan dengan bangunannya yang berhawa dingin, bersih, luas, tenang serta tidak ada gangguan yang boleh mengganggu tugas yang perlu dibuat.</p> <p>Dalam suasana aman dan damai memberi keselesaan kepada saya menyiapkan laporan dan berita secara telus dan konsisten.</p> <p>Saya berterima kasih kepada petugas yang bertugas di Pi1M Kampung Selabak Cik Natasha dan Encik Mohd Hafiz yang banyak membantu saya sekiranya terdapat masalah yang saya tidak dapat selesaikan.</p> <p>Sebelum ini saya menghantar berita dengan berkunjung di kedai-kedai internet swasta atau cybercafé di Bandar Teluk Intan. Tetapi keadaan yang kurang selesa, bising dan terlalu sibuk dibandar Teluk Intan boleh mengganggu perhatian untuk menulis berita disamping gangguan daripada pelanggan yang kurang disiplin.</p> <p>Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak SKMM, TM dan MSD kerana mewujudkan Pi1M di Kampung Selabak.</p> <p>Saya juga telah menghebahkan mengenai kewujudan dan fungsi Pi1M ditubuhkan kepada rakan-rakan lain untuk sama-sama menggunakan Pi1M sebagai tempat pencarian ilmu dan maklumat serta membantu menyokong untuk Pi1M Kampung Selabak terus dikekalkan.</p> <p>Saya juga berharap agar Pi1M Kampung Selabak akan terus berdaya maju memberi pengetahuan dan ilmu kepada penduduk terutama generasi muda dalam bidang yang penuh mencabar ini.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>1. <i>How did you use the internet to achieve your success, please elaborate your story</i> <i>Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila hubungi cerita anda</i></p> <p>Saya mula mempelajari menggunakan komputer apabila diperkenalkan pada tahun 1996 dimana ini memberi peluang kepada saya mempelajari menggunakan computer bagi memudahkan tugas saya menghantar laporan dan berita melalui internet.</p> <p>Banyak maklumat dan pengetahuan terkandung dalam internet sekaligus memberi suntikan semangat kepada saya untuk belajar menggunakan komputer lebih matang lagi.</p> <p>2. <i>How did your life improved after learning how to use the internet</i> <i>Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.</i></p> <p>Sebagai wartawan saya memerlukan banyak sumber maklumat terkini dan <b>internet</b> merupakan saluran yang banyak membantu kerjaya saya dalam bidang kewartawanan yang mana saya tidak sukar lagi untuk mendapat maklumat bagi bahan-bahan berita. Dengan hanya menggunakan jejari saya untuk tekan/klik web yang berkaitan dengan sumber berita yang menjadi pilihan.</p>
<b>Keterangan gambar</b> <b>Photo caption</b>	 <p>Pak Bakar menaip laporan berita menggunakan Microsoft Office Word untuk dihantar kepada pihak akhbar.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<p><b>Photo caption names</b> <b>Keterangan gambar berserta nama</b></p>	
	<p><i>Pak Bakar menhantar laporan berita yang sudah siap ditaip menggunakan email</i></p> 

*Walaupun mencecah usia emas 72 tahun semangat dan keinginan dalam menggunakan kemudahan internet dalam kerja sehari-hari jelas kelihatan.*

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
<b>Feedback Maklumbalas</b>	<p>1. <i>What was your first impression towards PI1M?</i> <i>Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?</i></p> <p>Saya beranggapan Pi1M sebagai medan ilmuan yang sangat berguna kepada sesiapa sahaja sahaja yang ingin maju dalam perniagaan, kerjaya atau aktiviti kemasyarakatan. Juesteru itu kewujudan Pi1M boleh diibaratkan seperti “orang mengantuk disorongkan bantal”. Kehadiran Pi1M memang ditunggu-tunggu oleh penduduk di luar Bandar.</p> <p>Saya mendoakan semoga Pi1M Kampung Selabak akan terus maju ke arah memberi pengetahuan dan bimbingan kepada masyarakat terhadap celik computer dan teknologi maklumat (internet).</p> <p>2. <i>What attracted you to come and use the facilities in PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i> <i>Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?</i></p> <p>Saya berasa seronok dan tenang berada di Pi1M kerana mutu perkhidmatannya agak baik dan mudah bagi seorang pelajar baru mendapat bimbingan kerana Pi1M mempunyai tenaga petugas yang bersikap mesra rakyat disamping mudah memberikan pertolongan sekiranya di minta terutama bagi golongan yang kurang memahami dalam penggunaan komputer dan internet..</p> <p>3. <i>How can PI1M help others to be successful?</i> <i>Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?</i></p> <p>PI1M dapat membantu seseorang individu/kumpulan mencapai kejayaan melalui kelas/bengkel yang disediakan serta modul yang mudah difahami. Dengan adanya kemudahan tersebut, individu dapat memahami dengan lebih mudah dan selesa menimba ilmu di PI1M.</p>

ITEM JENIS	INFORMATION MAKLUMAT
	<p>4. <i>Can you suggest improvement to be made to PI1M? (facilities, training activities, promotions, etc)</i> <i>Berikan cadangan dan pandangan bagi menambahbaik PI1M? (kemudahan, aktiviti latihan / kursus, promosi dan lain-lain.</i></p> <p>Saya bersetuju jika Pi1M dapat mengeluarkan sijil penyertaan kepada ahli sebagai tanda pengiktirafan dan sokongan kepada pelanggan yang setia berada bersama Pi1M, dengan adanya sijil akan menjadi tarikan kepada orang lain untuk datang belajar menggunakan komputer dan kemudahan di Pi1M.</p> <p>Saya berharap pihak yang berkenaan dapat memberi pertimbangan dan restu atas cadangan saya ini.</p> <p>Terima kasih.</p>